

23/11/1998

Pengalaman seumur hidup

KENANGAN ... Mohd Norfaizal, 8, (kiri) dan abangnya, Nur Jauhari, 9, sedang disiapkan ibu bapanya, Jaamat Suliaman dan Noridah Aziz sebelum majlis berkhatan beramai-ramai di Masjid Bukit Aman, di sini semalam.

Seramai 25 anak anggota Polis Diraja Malaysia dikhatankan dalam majlis yang diadakan setiap tahun sempena cuti sekolah. Majlis berkhatan itu diadakan kali pertama di masjid berkenaan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 7 Ogos lalu.

(END)